

DAIA Auction Group Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat

Isi kandungan:

Bahagian 1: Peraturan Am.....	3
1.1 Tafsiran Yang Digunakan.....	3
1.2 Lokasi Jualan Lelong.....	4
1.3 Masa Jualan Lelong.....	4
1.4 Lot Pameran.....	4
1.5 Jualan Lelong Trak dan Jentera.....	4
1.6 Kenderaan Rosak atau Kenderaan Tanpa-alih.....	5
1.7 Pemeriksaan / Panduan Pameran.....	5
1.8 Kemasukan ke premis DAG.....	6
Bahagian 2: Ahli.....	6
2.1 Pendaftaran Ahli.....	7
2.2 Kelayakan Keahlian.....	7
2.3 Jenis Ahli.....	7
2.4 Penjamin.....	8
2.5 Keahlian Sementara.....	8
2.6 Pembaharuan Keahlian.....	9
2.7 Pembatalan Keahlian.....	9
2.8 Etika Kelakuan.....	10
Bahagian 3: Penjual.....	11
3.1 Penilaian percuma.....	11
3.2 Pendaftaran.....	11
3.3 Pemeriksaan kenderaan terperinci.....	12
3.4 Servis Pemeriksaan Lain.....	13
3.5 Pemeriksaan Pihak Ketiga.....	14
3.6 Hak Keputusan DAG.....	14
3.7 Lot yang tidak dapat dikekalkan untuk Jualan Lelong.....	14
3.8 Pembatalan Jualan Lelong.....	14
3.9 Penjual Menarik Balik Lot.....	15
3.10 Jualan Lelong.....	15
3.11 Bidaan Berjaya.....	15
3.12 Bidaan Gagal.....	16
3.13 Jualan Tender.....	16
3.14 Bayaran kepada Penjual.....	16
3.15 Kos Pentadbiran Penjual.....	17
Bahagian 4: Pembida dan Pembeli.....	17
4.1 Pendaftaran.....	17
4.2 Jaminan.....	17
4.3 Jualan Lelong.....	17
4.4 Penerangan sebelum Jualan Lelong.....	18
4.5 Alat bida.....	18
4.6 Bidaan.....	19
4.7 Juru Lelong.....	19

4.8	Bidaan Berjaya.....	19
4.9	Pembeli Menarik Balik Lot.....	20
4.10	Bidaan Gagal.....	20
4.11	Jualan Tender.....	20
4.12	Kontrak Pembelian.....	21
4.13	Bayaran.....	21
4.14	Bayaran Premium Pembeli.....	22
4.15	Pemilikan and Pemindahan Risiko.....	22
4.16	Memandu Keluar Kenderaan.....	22
4.17	Penghantaran.....	23
Bahagian 5: Kawalan Kualiti.....		23
5.1	Pengurusan Aduan.....	23
5.2	Pertanyaan.....	23
5.3	Kriteria Lot untuk Jualan Lelong.....	23
Bahagian 6: Perkara Lain.....		24
6.1	Senarai Hitam.....	24
6.2	Kerahsiaan Identiti Ahli.....	24
6.3	Hak Cipta dan Hak Harta Intelektual Terpelihara.....	25
6.4	Pemisahan.....	25
6.5	Tindakan Undang-undang dan Bidang Kuasa.....	25
6.6	Bahasa.....	25
6.7	Tarikh Berkuat Kuasa.....	25
6.8	Hak Tafsiran.....	25

Bahagian 1: Peraturan Am

Berikut adalah kontrak terma dan syarat antara DAG sebagai penjual lelong dengan semua Ahlinya dari permulaan hingga ke akhir jualan lelong.

Semua Ahli dan pekerja DAG adalah tertakluk kepada syarat dan terma DAG sepanjang tempoh jualan jualan lelong ini. Sila baca dan faham perkara-perkara yang tertakluk dalam syarat dan terma sebelum menyertai aktiviti-aktiviti DAG. Ahli perlu menanggung sendiri jika berlaku pertikaian atau kehilangan akibat daripada tidak memahami terma dan syarat.

DAG berhak ke atas tafsiran syarat dan terma ini. DAG berhak mengubah terma dan syarat tanpa memberitahu Ahli atau orang awam terlebih dahulu. Sebelum menyertai apa-apa aktiviti, Ahli adalah bertanggungjawab untuk menyemak bagi menentukan sama ada terdapat sebarang perubahan terhadap terma dan syarat. Walaubagaimanapun, Ahli akan dihubungi jikalau terdapat perubahan besar.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi kakitangan DAG.

1.1 Tafsiran Yang Digunakan

- 1.1.1 “DAG” adalah nama singkatan syarikat DAIA Auction Group Sendirian Berhad;
- 1.1.2 “Pemohon” adalah orang yang berminat untuk menyertai jualan lelong DAG tetapi belum berdaftar dengan DAG;
- 1.1.3 “Ahli” adalah Pemohon yang telah berjaya berdaftar dengan DAG sebagai Pembida atau Penjual. Sila rujukan fasal 2.1 (Jenis Ahli) dan fasal 2.2 (Kualifikasi Ahli);
- 1.1.4 “Pembida” adalah Ahli yang menyertai jualan lelong DAG untuk membida Lot;
- 1.1.5 “Pembida Tender” adalah Pembida yang menyertai jualan Tender;
- 1.1.6 “Pembida Tertinggi” adalah pembida yang membuat bidaan harga tertinggi bagi sesuatu Lot;
- 1.1.7 “Pembeli” adalah Pembida Tertinggi yang membuat bayaran untuk membelikan sesuatu Lot;
- 1.1.8 “Penjual” adalah Ahli yang membenarkan DAG untuk menjual Lotnya dalam jualan lelong DAG, Jika disebutkan, Ia juga termasuk pewakil yang dibenarkan oleh Penjual;
- 1.1.9 “Lot” adalah barang yang dijual di jualan lelong atas kebenaran Penjual, dan diberi kod yang dapat dikenal pasti dalam katalog.
- 1.1.10 “EV” (Exhibitory Vote) adalah lampiran pameran, borang yang memberikan maklumat terperinci mengenai kenderaan/Lot.
- 1.1.11 “Harga tempahan” adalah harga minimum yang diinginkan oleh Penjual untuk menjual sesuatu barangan.
- 1.1.12 “PUSPAKOM” bermaksud Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sendirian Berhad, ia merupakan sebuah syarikat pemeriksaan kenderaan berkomputer.
- 1.1.13 “Kontrak Jualan” merupakan kontrak antara Penjual dan DAG untuk menjual Lot dalam jualan lelong DAG.

1.1.14 “Kontrak Pembelian” adalah kontrak antara Pembeli dengan DAG untuk membeli Lot dalam jualan lelong DAG.

1.1.15 “Ringgit” atau “RM” bermaksud mata wang Malaysia yang sah;

1.2 Lokasi Jualan Lelong

1.2.1 Jualan lelong akan diadakan dalam bilik jualan lelong di: Lot 5526, Ground Floor, Jalan Sherip Masahor, Kuching 93350, Sarawak.

1.2.2 Ahli dan orang awam akan diberitahu jikalau lokasi baru jualan lelong ditambah, ditukar atau dibatalkan.

1.3 Masa Jualan Lelong

1.3.1 Jualan lelong akan diadakan pada hari Sabtu (pukul 10.30 pagi), sekali atau dua kali dalam sebulan.

1.3.2 Ahli dan orang awam akan diberitahu terlebih dahulu jikalau tarikh baru jualan jualan lelong ditambah, ditukar atau dibatalkan.

1.4 Lot Pameran

1.4.1 Semua Lot pameran akan diperiksa oleh DAG. Bahagian dalam, luar, aksesori, peralatan elektronik dan bahagian bawah Lot juga dibersihkan. Lot juga akan diperiksa sekali untuk memastikan proses pembersihan dijalankan mematuhi tahap yang ditentukan. Lot akan dijual seperti yang didapati dalam pameran. Lot tidak akan diubahsuaikan selepas pameran. Semua Lot dijual atas risiko Pembeli.

1.4.2 Semua Lot yang akan dilelong akan habis disiap sebelum hari pameran. Semua lot telah habis diperiksa, dibersihkan, diambil foto, disediakan dokumentasi dan direkodkan dalam katalog dan EV. Sebelum jualan lelong Ahli akan diberikan katalog bagi memilih Lot yang ingin dibida. Ahli dan orang awam akan diberitahu jika maklumat penambahan, pertukaran atau pembatalan Lot dibuat.

1.4.3 Lot akan diberikan nombor Lot yang khas dan tidak berulang (bukan nombor plat kereta) sebagai cara untuk mengenal pasti sesuatu Lot. Nombor Lot akan ditunjukkan dalam katalog dan EV.

1.4.4 Dalam lingkungan undang-undang, semua isi dan penerangan dalam katalog, iklan, laporan ujian jalan raya, EV atau benda lain yang diberikan oleh DAG tentang Lot tidak semestinya mempamerkan 100% situasi Lot tersebut. Adalah tanggungjawab Pembida untuk memastikan mereka berpuas hati dengan maklumat penting yang dipaparkan seperti usia Lot, jenis modal dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut, jangan ragu-ragu untuk mengemukakan soalan kepada staf DAG. Pembeli tidak boleh membatalkan, menambah atau menukar pembelian atas sebab Lot tidak seperti yang diinginkan.

1.4.5 Tiada jaminan dibuat di atas katalog atau EV bahawa situasi dan kualiti Lot bersesuaian untuk tujuannya, kebolehan jualannya atau pematuhannya dengan keterangan.

1.4.5.1 Lot yang mempunyai beg udara atau sistem brek anti kunci (Anti-lock braking system) tidak dijamin adalah dipasangkan, lengkap, berfungsi atau bersesuaian dengan tujuan yang direkakan.

1.5 Jualan Lelong Trak dan Jentera

1.5.1 Selain daripada syarat yang dinyatakan dalam fasal 1.4 (Lot Pameran), DAG tidak menjaminkan apa-apa benda elektrik atau mekanik, kelengkapan dan peralatan Lot mematuhi peraturan Keselamatan dan Kesihatan Premis Kerja Negeri atau Persekutuan

- 1.5.2 Jika Lot yang dijual akan digunakan di premis kerja, DAG akan menyuruh Penjual untuk menunjukkan dokumen sah tentang keselamatan dan situasi kenderaan tersebut.
- 1.5.3 Adalah menjadi tanggungjawab Pembeli untuk memastikan benda-benda ini mematuhi peraturan yang dinyatakan sebelum ia digunakan di premis kerja.

1.6 *Kenderaan Rosak atau Kenderaan Tanpa-alih*

- 1.6.1 Kenderaan rosak serta butiran kerosakan kenderaan tersebut akan dimaklumkan dalam EV. Atas kontrak Penjual, kenderaan rosak mungkin dimasukkan dalam kategori jualan lelong tiada bantasi (Tiada harga tetap).
- 1.6.2 Kategori kenderaan rosak termasuk:
 - 1.6.2.1 DAG hanya menawarkan kenderaan ubah suaian yang dibenarkan oleh kerajaan. Kenderaan ubah suai yang mempunyai tingkap yang gelap, skirt yang rendah, paip eksos yang besar, nombor plat yang diubahsuai dan sebagainya adalah tidak dibenarkan. Penjual mesti menanggalkan benda ini sebelum bersambung ke tahap jualan lelong. Jika tidak mereka tidak akan dilayani. DAG memberikan perkhidmatan ini atau Penjual boleh memilih untuk membuatnya di kedai mekanik lain.
- 1.6.3 DAG tidak akan menerima sebarang kenderaan curian, tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap mereka yang mencuri kenderaan atau Pembeli yang membeli kenderaan curian
- 1.6.4 Bukan semua kenderaan dalam kategori ini dalam keadaan teruk. Sebahagian kenderaan tersebut telah menerima pembaikan berkualiti atau telah dibuktikan kelayakannya di jalan raya oleh pemeriksa pihak ketiga (e.g. PUSPAKOM). Maklumat terperinci ini akan dinyatakan dalam EV
 - 1.6.4.1 Kenderaan kategori ini digalakkan mendapat pemeriksaan pihak ketiga bagi memberikan lebih banyak keyakinan kepada Pembeli. Sila rujuk fasal 2.5 (Pemeriksa Pihak Ketiga)
- 1.6.5 EV melampirkan semua maklumat mengenai kenderaan. Pembida diminta untuk memeriksa lampiran tersebut dengan teliti. Sila minta pertolongan daripada staf DAG jika perlu. Para Pembeli akan menanggung risiko sendiri selepas Pembelian.

1.7 *Pemeriksaan / Panduan Pameran*

- 1.7.1 Kenderaan dipamerkan untuk dilihat dan diperiksa oleh orang awam pada hari sebelum jualan lelong (Jumaat) dan pada hari lelong (Sabtu) kedua-duanya dari pukul 9 pagi hingga pukul 5 petang. Bergantung kepada bilangan Lot, beberapa Lot mungkin tidak dapat dipamerkan disebabkan kekurangan premis. Sila merujuk staf DAG untuk mendapatkan maklumat tentang Lot yang tidak dipamerkan.
- 1.7.2 Bilik jualan lelong, pejabat dan premis pemeriksaan tidak akan dibuka untuk pameran. Gambar-gambar akan ditunjukkan.
- 1.7.3 Promosi / Jualan tidak dibenarkan
 - 1.7.3.1 Penjual dibenarkan untuk menghadiri pameran ini tetapi mereka tidak boleh membuat apa-apa perkara untuk mempromosikan kenderaan mereka. Jika mereka membuat sedemikian, mereka telah melanggar peraturan fasal 1 dalam kontrak jualan dan akan dikenakan saman.
 - 1.7.3.2 Jika seseorang membuat promosi di premis DAG tanpa kebenaran tulisan DAG, maka dia akan diminta oleh pegawai sekuriti untuk meninggalkan premis DAG.

- 1.7.4 Ahli boleh membawa orang lain datang ke pameran pada hari sebelum jualan lelong. Binatang peliharaan Ahli tidak dibenarkan dalam kawasan DAG.
- 1.7.5 Ahli dibenarkan mengambil gambar atau rakaman video pameran Lot. Ahli boleh melihat dan memeriksa pameran Lot sesuka hati. Bagi pemeriksaan bahagian dalam kenderaan, but kenderaan, enjin atau untuk melihat EV atau laporan pemeriksaan ketahanan kenderaan di jalan raya, sila merujuk kepada pegawai perkhidmatan pelanggan yang akan berada di situ untuk memberi bantuan.
 - 1.7.5.1 Ahli dibenarkan untuk duduk di dalam kenderaan, melaraskan premis duduk, memeriksa system alam dan kunci kenderaan dan melaraskan tingkap. Bagi tujuan keselamatan, Ahli tidak dibenarkan menghidupkan enjin kenderaan.
 - 1.7.5.2 Satu laporan ujian jalan raya akan ditunjukkan. Laporan itu (tidak melibatkan jualan lelong trak dan mesin dan kenderaan rosak) disediakan sebagai hasil daripada pemeriksaan yang ringkas yang dibuat sebelum pameran. Ia digunakan sebagai panduan sahaja. Laporan tidak mempunyai gambar yang membolehkan pemeriksaan secara penglihatan. Kenderaan yang dijual dengan laporan ini masih meliputi fasal 1.4 (Lot Pameran) yang merujuk kenderaan dijual dengan kesilapan (jika ada)

1.8 Kemasukan ke premis DAG

- 1.8.1 DAG berhak menolak kemasukan sesiapa orang ke premisnya. Pegawai sekuriti akan dipremiskan di premis masuk DAG untuk menghalang kemasukkan orang yang tidak dibenarkan.
- 1.8.2 Semua orang yang berada dalam premis DAG sebelum, semasa dan selepas jualan lelong perlu mematuhi peraturan DAG. Jika kecederaan atau kehilangan harta berlaku daripada ketidak faham peraturan, maka DAG tidak akan bertanggungjawab.
- 1.8.3 Ahli perlu membawa IC/pasport pada hari jualan lelong untuk pengenalan pastian identiti semasa jualan lelong. Jika tidak, Ahli tidak dibenarkan untuk membida. Sistem akan memeriksa kelayakkan Pembida. Jika Pembida tidak layak, (seperti digelarkan muflis dan sebagainya) mereka tidak layak untuk membida. Ahli perlu meninggalkan IC/pasport di kaunter. Selepas bayaran wang pendahuluan, mereka akan diberikan alat bida. IC/passport akan dikembalikan kepada Ahli setelah alat bida dikembalikan selepas jualan lelong.
- 1.8.4 Ahli dibenarkan membawa orang lain sebagai pelawat untuk menghadiri jualan lelong. Pelawat perlu memakai tag pelawat. Pelawat juga perlu mematuhi etika kelakuan dalam bilik jualan lelong. Ahli dan pelawat dibenarkan bebas duduk dalam bilik jualan lelong . Penjual perlu duduk dalam bilik Penjual.
- 1.8.5 Ahli masih boleh memasuki bilik lelong dan membida jika lewat. Pelewat dinasihati supaya masuk dengan senyap supaya tidak menjejaskan proses jualan lelong. Penjual akan dihubungi sekiranya mereka tidak datang.
- 1.8.6 Ahli tidak dibenarkan membawa kamera atau perekod video ke dalam bilik jualan lelong.
 - 1.8.6.1 Ahli patut meletakkan benda tersebut di kaunter dan mengambilnya semula semasa balik.
 - 1.8.6.2 Ahli boleh menyimpannya dalam beg dan berjanji tidak akan menggunakannya. Jika ahli ditangkap menggunakan kamera, perekod video atau menggunakan telefon bimbit berkamera, maka pegawai sekuriti berhak untuk menyimpannya sehingga akhir jualan lelong.
- 1.8.7 Haiwan peliharaan tidak membenarkan dibawa ke kawasan DAG.

Bahagian 2: Ahli

2.1 Pendaftaran Ahli

- 2.1.1 Pendaftaran adalah percuma. Orang yang berjaya berdaftar dengan DAG akan menjadi Ahli.
 - 2.1.1.1 Borang pendaftaran boleh didapati daripada kaunter DAG atau diminta untuk hantar melalui email.
 - 2.1.1.2 DAG juga menerima versi fotokopi sekiranya ia diiktiraf. DAG akan memberikan bantuan dalam mengisi borang jika diminta.
 - 2.1.1.3 Semua Pemohon mesti mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang dan memberikan maklumat yang betul. Maklumat palsu atau borang yang tidak lengkap tidak akan dilayani.
 - 2.1.1.4 Pemohon perlu menyatakan penjamin mereka semasa pendaftaran. Maklumat ini akan direkodkan dalam borang pendaftaran. Sila rujuk kepada fasal 2.7 (Penjamin)
 - 2.1.1.5 Selepas pendaftaran, DAG mempunyai hak untuk memeriksa bank akaun dan latar belakang Pemohon untuk tujuan keselamatan. Proses ini biasanya mengambil 3 hari kerja. Kelayakkan Ahli adalah keputusan muktamad DAG.
 - 2.1.1.6 DAG akan menghubungi dan mengesahkan kelayakkan Pemohon selepas 3 hari melalui telefon atau faksimili. Pemohon akan diberi penjelasan yang wajar sekiranya tidak layak.
 - 2.1.1.7 Setelah pendaftaran diluluskan, Pemohon akan didaftarkan sebagai Ahli dan layak menyertai jualan lelong.

2.2 Kelayakan Keahlian

- 2.2.1 Syarat asas keahlian:
 - (a) Sekurangnya 18 belas tahun
 - (b) Keteguhan kewangan bank akaun
 - (c) Mempunyai IC/pasport yang sah
 - (d) Mempunyai lesen memandu yang sah
 - (e) Mempunyai foto saiz pasport yang terkini
 - (f) Mempunyai foto premis kerja (jika berdaftar sebagai pewakil syarikat)

2.3 Jenis Ahli

- 2.3.1 Terdapat dua jenis Ahli, iaitu Individu (orang biasa) dan Perwakilan syarikat.
- 2.3.2 Ahli individu mewakili mereka sendiri atau mewakilkan seseorang atas kebenaran seseorang.
- 2.3.3 Perwakilan syarikat menjual atau membida bagi pihak syarikat.
 - 2.3.3.1 Perwakilan boleh terdiri daripada:

- (a) Majikan syarikat
 - (b) Pekerja syarikat
 - (c) Seseorang yang bertindak atas kebenaran syarikat
- 2.3.3.2 Seorang pewakil syarikat hanya boleh mewakilkan sebuah syarikat. Pewakil syarikat hanya boleh membida Lot demi syarikat dan tidak boleh membuat bidaan individu. Jika berminat, wakil syarikat tersebut perlu membuat perbincangan dengan syarikat sendiri terlebih dahulu atau menyertai jualan lelong yang seterusnya sebagai Pembida individu.
- 2.3.3.3 Sebuah syarikat boleh menghantar tidak lebih daripada 2 pewakil ke jualan lelong. Majikan boleh menyertai jualan lelong dengan salah satu pekerja sebagai pewakil syarikat, atau dua pekerja sebagai pewakil syarikat. Sebuah syarikat hanya diberikan satu alat bidaan.
- 2.3.3.4 Syarikat perlu menghubungi DAG terlebih dahulu jika terdapat pertukaran pewakil syarikat. Borang pertukaran pewakil syarikat perlu diisikan. DAG berhak untuk melarang kemasukan pewakil syarikat yang tidak disenaraikan dalam rekod DAG.
- 2.3.3.5 Pewakil syarikat yang mewakili peniaga kereta/kewangan atau syarikat lain harus memberikan cap syarikat, lesen niaga, lesen pendaftaran niaga, pernyataan bank, borang pemegangan syer, IC/pasport orang bertanggungjawab, borang yang disikan dengan tanda tangan, surat penjamin, foto individu dan foto pejabat/lokasi niaga.
- 2.3.4 Ahli yang menyertai satu jualan lelong boleh berdaftar sebagai Penjual atau Pembida. Ahli juga boleh berdaftar kedua-duanya sebagai Pembida dan Penjual.
- 2.3.4.1 Jika Ahli menyertai jualan lelong tersebut sebagai Pembida dan Penjual, Ahli tersebut hanya boleh membida Lot selain daripada Lot sendiri. Ahli tersebut juga akan diberi alat bida dan akan dipremiskan dalam bilik Penjual. Ahli tersebut tidak dibenarkan berinteraksi dengan Pembida lain. Ahli yang berbuat demikian akan disaman atau diambil tindakan undang-undang oleh DAG.
- 2.3.4.2 Ahli mesti menyatakan peranan mereka dengan jelas sebelum pendaftaran (Sama ada mereka menyertai jualan lelong tersebut sebagai Pembida, Penjual atau kedua-duanya). Mereka juga mesti menyatakan sama ada mereka adalah individu atau pewakil syarikat. Ahli tidak dibenarkan menukarkan peranan mereka selepas pendaftaran.

2.4 Penjamin

- 2.4.1 Semua Ahli (Penjual dan Pembida) perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang penjamin.
- 2.4.2 Penjamin boleh terdiri daripada syarikat atau bank pemohon. (Bank sebagai penjamin adalah lebih baik)
- 2.4.3 Bagi penjamin syarikat, Ahli mesti menyertakan nama syarikat, nombor hubungi, cap syarikat dan alamat syarikat. Setelah Ahli menyertakan maklumat ini, DAG akan menghubungi penjamin itu dan memeriksa latar belakangnya. DAG akan mengesahkan perkara ini dengan Ahli melalui telefon atau faksimili untuk memastikan penjamin mereka layak atau tidak. Kelayakkan penjamin adalah keputusan muktamad DAG.
- 2.4.4 Penjamin mesti menanggung kos kewangan Ahli jika sebarang kemalangan berlaku kepada Ahli seperti muflis, gagal membuat bayaran penuh atau tidak boleh dihubungi.

2.5 Keahlian Sementara

- 2.5.1 Bagi mereka yang lewat mendaftar, sesiapa yang mendaftar tiga hari sebelum hari jualan lelong dan ingin menyertai jualan lelong pada hari tersebut, mereka akan diberi status sebagai ahli sementara terlebih dahulu.
- 2.5.2 Ketika pendaftaran ahli, orang yang mendaftar lewat mesti menyatakan Penjamin mereka. Maklumat ini hendaklah dinyatakan dalam Borang Pendaftaran. Sila rujuk kepada Fasal 2.4 (Penjamin). Jika mereka tidak mempunyai penjamin, mereka perlu membayar wang pendahuluan tanpa penjamin. Sila rujukkan apendiks untuk senarai harga.
- 2.5.3 Ahli sementara mesti menyerahkan NRIC mereka kepada DAG untuk menyertai jualan lelong.
 - 2.5.3.1 Sekiranya Ahli Sementara tidak menjadi Pembeli dalam jualan lelong tersebut, mereka boleh mendapat kembali NRIC mereka selepas jualan lelong.
 - 2.5.3.2 Sekiranya Ahli Sementara menjadi Pembeli dalam jualan lelong tersebut, mereka mesti membayar 10% daripada jumlah bilangan daripada Lot sebagai deposit. Selepas itu, mereka boleh mendapat kembali NRIC mereka.
- 2.5.4 Sekiranya DAG meluluskan permohonan kepada Pemohon lewat, mereka akan mendaftar sebagai Ahli and ini membolehkan mereka menyertai jualan lelong DAG yang akan datang. Keahlian mereka bermula dari hari kelulusan keahlian.
- 2.5.5 Sekiranya DAG menolak permohonan Pemohon lewat, Keahlian Sementara mereka akan:
 - 2.5.5.1 diberhentikan semasa notis menolak keahlian diberikan jika mereka tidak menjadi Pembeli dalam jualan lelong;
 - 2.5.5.2 diberhentikan semasa semua urusan niaga selesai jika mereka menjadi Pembeli dalam jualan lelong.

2.6 Pembaharuan Keahlian

- 2.6.1 Waktu keahlian bermula dari hari Ahli menerima pengesahan tentang kejayaan pendaftaran keahlian.
- 2.6.2 Waktu keahlian adalah selama 1 tahun. Pembaruan keahlian adalah percuma. Ahli akan dihubungi oleh DAG untuk mengingatkan mereka membarukan keahlian mereka. Keahlian tidak akan dibarukan secara automatic, Ahli perlu membaruhinya sebelum tarikh genap, jika tidak, keahlian mereka akan dibatalkan.
- 2.6.3 Ahli perlu memberitahu staf DAG untuk mengemas kini maklumat mereka. Ini boleh dibuat melalui emel, telefon atau datang sendiri ke kaunter Ahli mesti memberitahu nombor keahlian dan nombor IC/pasport kepada staf DAG bagi membolehkan kemas kini dibuat.
- 2.6.4 DAG. Ahli juga perlu memberikan gambar terkini saiz pasport untuk pembaruan keahlian. DAG akan sekali lagi memeriksa akaun bank dan latar belakang Ahli. Jika didapati Ahli tidak memenuhi permintaan seperti dahulu, mereka tidak boleh membarui keahlian mereka. Maka keahlian mereka akan dibatalkan. Kelayakkan membarui keahlian adalah keputusan muktamad DAG.
- 2.6.5 Ahli akan menerima pengesahan daripada DAG selepas 3 hari kerja. DAG akan menghubungi dan mengesahkan keputusan pendaftaran dengan Ahli melalui telefon atau faksimili. Ahli akan diberi penjelasan yang wajar sekiranya tidak layak.

2.7

Pembatalan Keahlian

- 2.7.1 Berikut adalah beberapa sebab keahlian dihentikan:
- 2.7.1.1 Tempoh keahlian tamat
Tempoh keahlian akan dihentikan secara automatik pada tarikh genap jika tiada pembaruan dibuat; Ahli ini boleh mendaftar semula jika berminat dengan cara seperti yang dinyatakan dalam fasal 2.1 (Pendaftaran Ahli);
 - 2.7.1.2 Keahlian tidak diluluskan semasa pembaruan keahlian dibuat;
 - 2.7.1.3 Ahli mengalami muflis;
 - 2.7.1.4 Kelakuan yang tidak senonoh di bilik jualan lelong
Ahli akan diberi amaran secara lisan oleh staf DAG diikuti dengan satu surat amaran. Keahlian mereka akan disenarai hitamkan. Jika masalah berterusan, keahlian mereka akan dihentikan.
 - 2.7.1.5 Penjual membuat urusan peribadi dengan Pembida/Pembeli:
Penjual akan disaman dan disenarai hitamkan, Pembida/Pembeli akan diberi amaran. Jika masalah berterusan, keahlian mereka akan dihentikan.
 - 2.7.1.6 Ahli yang menyebabkan kerosakkan harta benda DAG
Ahli akan disaman. Ahli yang menyebabkan kerosakkan harta benda DAG akan disaman bergantung kepada kos harta benda. Keahlian mereka akan disenarai hitam. Jika ia adalah masalah serius, maka keahlian mereka akan dibatalkan.
 - 2.7.1.7 Ahli yang melibatkan diri dalam pertarungan sesama staf atau Ahli lain
 - 2.7.1.8 Ahli yang memberi maklumat atau dokumen palsu
 - 2.7.1.9 Ahli yang menggunakan maklumat DAG untuk tujuan komersial.
 - 2.7.1.10 Ahli yang melanggar syarat dan terma DAG (selain yang dinyatakan dalam bahagian ini)
- Bagi fasal 2.6.1.7 hingga 2.6.1.10, Ahli akan disenarai hitam. Jika masalah berterusan, keahlian mereka akan dihentikan. Tindakan undang-undang akan dilakukan ke atas mereka.
- 2.7.2 Pembatalan keahlian adalah keputusan muktamad DAG. Semua kes akan diperiksa dengan terperinci dan Ahli akan diberi penjelasan pembatalan yang wajar. Ahli akan dihubungi melalui telefon atau faksimili.
- 2.7.3 Bergantung kepada berapa serius kes itu, Ahli boleh dilarang untuk mendaftar semula selama 1 tahun atau selamanya. Ahli mungkin perlu membayar hukuman. Tindakan undang-undang mungkin dikenakan ke atas mereka. DAG mempunyai penasihat undang-undang yang diiktiraf, iaitu S.K. Ling & Co. Advocates.
- 2.7.4 DAG akan menyimpan rekod Ahli yang disenarai hitam untuk rujukan dan cegahan masa depan.
- 2.7.5 Sila rujukkan appendix untuk cara bayaran dan harga saman.
- 2.7.6 Ahli yang telah ditamatkan keahlian atau digantung bermula daripada tarikh diumumkan tidak dibenarkan untuk pendaftaran keahlian. DAG berhak untuk mengambi tindakan undang-undang.

2.8

Etika Kelakuan

Ahli perlulah berkelakuan baik dalam bilik jualan lelong. DAG akan bertindak terhadap Ahli yang tidak berkelakuan baik. Sila rujuk fasal 2.5 (Pembatalan Keahlian). Antara kelakuan yang baik adalah seperti berikut.

- 2.8.1 Mengekalkan kebersihan kawasan DAG. Tidak membuang sampah merata-rata.
- 2.8.2 Mengekalkan suara dan perbualan minimum semasa jualan lelong
- 2.8.3 Mengekalkan harta benda dan kemudahan DAG dalam keadaan baik
- 2.8.4 Menutup bunyi telefon bimbit.
- 2.8.5 Membuat perbualan telefon di luar bilik jualan lelong
- 2.8.6 Tidak dibenarkan merokok dalam bilik jualan lelong atau dalam bangunan
- 2.8.7 Tidak dibenarkan membawa makanan atau memakan dalam bilik jualan lelong
- 2.8.8 Tidak dibenarkan menjerit atau bergaduh dengan Ahli lain atau staf
- 2.8.9 Tidak dibenarkan mengambil foto atau video
- 2.8.10 Tidak dibenarkan memukul, mengetuk meja atau membuat bunyi yang menjengkelkan

Bahagian 3: Penjual

3.1 *Penilaian percuma*

- 3.1.1 Penjual boleh memandu kereta ke DAG (kecuali hari pameran dan jualan lelong) bagi satu penilaian kenderaan percuma. Satu pemeriksaan yang ringkas akan dibuat dan satu harga akan dicadangkan. Process ini (tidak termasuk process menunggu) mengambil masa kira-kira setengah jam.
- 3.1.2 Jika terdapat kerosakkan komponen kenderaan, DAG akan mencadangkan Penjual untuk membaikinya demi meningkatkan nilai jualannya. Keputusan ini akan ditentukan oleh Penjual sendiri. Maka, Penjual juga bertanggungjawab untuk membuat keputusan bagi memastikan kenderaannya lebih mudah dipasarkan.
- 3.1.3 Selepas penilaian dibuat, Penjual diberi peluang samada untuk teruskan atau berhenti. Tiada bayaran akan dikenakan dalam peringkat ini. Jika Penjual mahu teruskan, mereka akan mendaftarkan diri sebagai Ahli. Sila rujuk fasal 2 (Ahli).

3.2 *Pendaftaran*

- 3.2.1 Pemohon yang mahu menjual kenderaan mereka di jualan lelong DAG mesti memandu kenderaan mereka ke premis DAG dan berdaftar sebagai Penjual. Setelah berdaftar, Penjual tidak boleh membawa keluar kenderaan mereka kecuali Lot itu ditarik balik daripada jualan.
- 3.2.2 Penjual mesti memandu kereta dan membawa dokumen yang sah ke premis DAG selewatnya 4 hari kerja sebelum hari jualan lelong. Masa tersebut diperlukan untuk memeriksa latar belakang dan dokumentasi Pemohon, membuat pendaftaran, pencucian dan pemeriksaan kereta, membuat laporan dan persediaan lain. Jika tidak, mereka tidak sempat menjual kenderaan pada hari jualan lelong berikutnya. Mereka perlu menjual kenderaan itu pada hari jualan lelong lain.

- 3.2.3 Dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran Penjual:
- 3.2.3.1 DAG memberikan jaminan gelaran terhadap kenderaan yang dijual di jualan lelong.
- (a) Kertas Pendaftaran
 - (b) Lesen Memandu
 - (c) Invois bukti Pembelian (jika Penjual memiliki kenderaan itu tetapi tidak didaftarkan atas nama Penjual)
 - (d) Surat kuasa wakil (jika Penjual tidak memiliki kenderaan itu dan menjualnya bagi pihak pemilik)
- 3.2.3.2 Penjual harus membuktikan kebetulan alamat rumah dan nombor telefon, samada dengan lesen memandu, Penyataan bank, bil telefon atau gambar foto.
- 3.2.3.3 Jika kenderaan adalah milik syarikat, nama syarikat dan orang bertanggungjawab mesti disertakan. Lesen urusniaga syarikat dan dokumen yang berkaitan seperti borang 9, 24, 49 perlu disertakan.
- 3.2.4 Penjual perlu memberikan jaminan penuh terhadap Lot yang dijual dalam jualan lelong DAG.
- 3.2.4.1 Penjual mengekalkan kuasa wakil tanpa mencero bohi hak parti ketiga termasuk hak cipta/ intelektual harta benda atau melanggar undang-undang.
- 3.2.4.2 Penjual memberikan maklumat terperinci tentang asal dan kecatatan Lot dengan jelas.
- 3.2.4.3 Penjual akan bertanggungjawab terhadap semua caj, kos dan kehilangan akibat daripada pendakwaan oleh pihak ketiga terhadap DAG atau kepada pelanggannya.
- 3.2.4.4 Penjual tidak akan dilayan jika gagal membuktikan kemilikan, identiti atau dibuktikan menggunakan maklumat palsu. Tindakan undang undang akan diambil terhadap mereka.
- 3.2.4.5 Penjual perlu menyertakan dokumen yang menunjukkan kenderaannya tidak disenarai hitam oleh JPJ atau polis. Jika didapati demikian, Penjual perlu menanggung tanggungjawab tersebut.
- 3.2.4.6 Penjual yang mengalami masalah kewangan masih layak untuk menjual kenderaan jika disertai dengan dokumentasi dan bukti yang kukuh. Kenderaan yang dijual mesti dibuktikan ia tidak dalam tempoh pinjaman daripada apa-apa institusi kewangan atau syarikat. Semua pinjaman mesti habis dibayar sebelum didaftarkan dengan DAG.
- 3.2.5 Penjual perlu melengkapkan borang kontrak jualan untuk mengiktirafkan jualan kenderaannya. Borang tersebut memerlukan maklumat Penjual seperti nama penuh, umur, jantina, nombor IC, Nombor lesen memandu, Nombor hubungi, alamat, model kenderaan, plat nombor kenderaan, bank Penjual, pekerjaan, nama syarikat, cara pembayaran kos pentadbiran, harga tempahan, Lot nombor yang diberikan dan sebagainya.
- 3.2.5.1 Penjual perlu mengisikan harga tempahan pertama dan kedua. (harga tempahan kedua adalah pilihan Penjual untuk diletakkan) nasihat penghargaan akan diberikan kepada Penjual. Harga tempahan kenderaan adalah pilihan Penjual. DAG tidak akan membantah atau bertanggungjawab jika Penjual bertegas mahu menjual kenderaan melampaui harga pasaran.
- 3.2.5.2 Penjual perlu menyatakan sama ada mereka membenarkan Lot mereka dijual di jualan lelong DAG, atau di Tender jika Lot tidak dibida.

3.3

Pemeriksaan kenderaan terperinci

- 3.3.1 DAG akan membuat pemeriksaan terperinci kenderaan selepas Ahli berdaftar sebagai Penjual. Penjual akan memberikan kunci kenderaan kepada DAG sebelum pembersihan dan pemeriksaan bermula. Kenderaan akan disimpan di dalam premis DAG sehingga Lot dijual atau ditarik balik.
- 3.3.2 Penjual tidak dibenarkan masuk ke premis pemeriksaan semasa pemeriksaan kenderaan dijalankan. Ini adalah untuk memelihara keselamatan Penjual dan supaya tidak mengganggu proses itu.
- 3.3.3 Penjual perlu membuat permintaan istimewa kepada DAG sebelum itu jika Penjual berminat untuk melihat proses itu. Persediaan boleh dibuat untuk membolehkan Penjual melihat proses pemeriksaan tetapi Penjual juga perlu mematuhi peraturan di premis pemeriksaan. Penjual akan ditemani dengan seorang pegawai perkhidmatan pelanggan sepanjang proses.
- 3.3.4 Penjual tidak dibenarkan mengambil gambar, video atau nota sepanjang proses itu.
- 3.3.5 DAG memberikan servis pembersihan kenderaan sebelum pemeriksaan terperinci dibuat
 - 3.3.5.1 Kos pembersihan bergantung kepada keadaan kebersihan kenderaan semasa ia diberikan kepada DAG. Kenderaan yang lebih bersih memerlukan kurang kos pembersihan.
 - 3.3.5.2 Antara servis pembersihan yang diberikan oleh DAG:
 - a) Pembersihan bahagian luar permukaan dengan wap
 - b) Pembersihan petak enjin, bahagian lengkung tayar dan semua luar permukaan dengan wap
 - c) Pembersihan tanpa menyentuh bahagian luar
 - d) Bahagian dalam dibersihkan dengan betul-betul
 - e) Premis duduk, but, permaidani vakum
 - f) Premis duduk dan permaidani pembersihan wap, dikilat oleh tangan
 - g) Bahagian dalam dan luar gelas dan cermin dibersihkan
 - h) Hitamkan tayar
 - i) Penyingkiran kotoran
 - j) Penyingkiran habuk
 - 3.3.5.3 Sila merujuk kepada staff DAG tentang harga pembersihan bagi kenderaan berlainan jenis.
 - 3.3.5.4 Semasa menyerahkan kenderaan kepada DAG, Penjual perlu memastikan semua barangan persendiriaannya telah ditanggalkan. DAG tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakkan barangan Penjual jika ia tidak ditanggal.
- 3.3.6 Penjual diminta menyerahkan buku log kenderaan bagi menolong dalam proses pemeriksaan kenderaan. Semua kerosakkan akan direkodkan dalam EV.
- 3.3.7 Penjual tidak mempunyai hak untuk menambah, menukar atau menyingkiran maklumat kenderaan dalam EV kecuali jika Penjual boleh membuktikan terdapat kesilapan maklumat dalam EV. Semua maklumat dimasukkan oleh staf DAG sahaja. Keputusan pemeriksaan yang dibuat oleh DAG adalah muktamad, Penjual tidak berhak untuk meminta pemeriksaan semula dibuat.
- 3.3.8 DAG sistem pemeriksaan kenderaan (VIS) akan mengumpulkan maklumat terperinci kenderaan dan memberikan satu harga yang berpatutan dengan keadaan kenderaan, modal, jenama dan harga pasaran
- 3.3.9 Penjual akan menentukan harga tempahan kenderaan. DAG akan menentukan harga mulaan membida.

3.4

Servis Pemeriksaan Lain

- 3.4.1 Servis ini hanya berkaitan kepada Penjual korporat, tidak kepada Penjual individu.
- 3.4.2 Penjual boleh meminta DAG untuk datang ke premis Penjual bagi pemeriksaan. Penjual perlu membuat janji temu dengan DAG sebelum itu. Kumpulan pemeriksa DAG termasuklah jurutera professional yang diluluskan oleh JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia), mechanic berpengalaman dan loss adjustor. Penjual harus membuat bayaran setelah pemeriksaan dibuat.
- 3.4.3 Pemeriksaan yang diberikan termasuk:
 - (a) Bagi kumpulan pembuat dan pengimport dan penunjuk cara kenderaan setelah dikembalikan.
 - (b) Bagi kumpulan pengurusan dan syarikat sewaan dalam tamat tempoh sewa dan kenderaan dikembalikan
 - (c) Bagi jabatan kerajaan yang telah menamatkan terma gunaan
 - (d) Bagi organisasi yang mahu menanggarkan jumlah pembaikan bagi tujuan alokasi cos dalaman.

3.5

Pemeriksaan Pihak Ketiga

- 3.5.1 Ahli boleh memeriksa kenderaan (terutamanya kenderaan kategori rosak) dengan PUSPAKOM sebelum berdaftar sebagai Penjual untuk meningkatkan nilai jualan kenderaan dan memberi lebih banyak keyakinan kepada Pembida.
- 3.5.2 Ahli boleh meminta DAG untuk membuat persiapan bagi pemeriksaan itu.
 - 3.5.2.1 Penjual perlu memandu sendiri ke premis pemeriksaan. DAG tidak akan bertanggungjawab apabila Lot berada di luar kawasan DAG.
 - 3.5.2.2 PUSPAKOM akan memeriksa semula kenderaan itu dan membuktikan ketahanan kenderaan itu di jalan raya. Kenderaan itu akan dilabelkan jaminan quality PUSPAKOM. Butiran ini juga akan direkodkan ke dalam EV.
 - 3.5.2.3 Penjual akan menanggung kos ini sendiri terlebih dahulu. Apabila Pembeli membeli kenderaan itu, Pembeli akan membayar 50% kos tersebut kepada Penjual. Sila merujuk kepada laman website PUSPAKOM di www.puspakom.com.my untuk mengetahui cara kiraan kos.
- 3.5.3 Jika Penjual tidak pergi mendapatkan pemeriksaan parti ketiga, Pembeli akan diberitahu untuk membuat begitu selepas Pembelian.

3.6

Hak Keputusan DAG

DAG mempunyai hak keputusan mutlak terhadap perkara ini:

- 3.6.1 Tafsiran dan keterangan semua Lot melalui katalog jualan lelong, EV, media atau bahan lain.
- 3.6.2 Semua persiapan promosi dan caj lazim Lot termasuk cara gunaan gambar, pameran dan cara lain.
- 3.6.3 Kekekalan Lot yang dijual oleh DAG
- 3.6.4 Tarikh, premis, terma dan syarat dan cara jualan lelong

3.7

Lot yang tidak dapat dikekalkan untuk Jualan Lelong

Setelah Penjual menandatangani Kontrak Jualan, DAG mempunyai hak untuk menanggalkan Lot daripada jualan jika ia mencero bohi syarat dan terma DAG. Penjual bertanggungjawab untuk mengambil Lot dalam masa 30 hari setelah notis diberikan. Penjual juga perlu membuat bayaran kepada DAG jika ada. Terma dan syarat Kontrak Jualan juga akan dibubarkan pada tarikh Lot diambil atau pada hari ke 30 kalau Lot tidak diambil. Jika Penjual tidak mengambil Lot 7 hari setelah Kontrak dibubarkan, DAG berhak untuk menanggalkan Lot daripada premis DAG dan tidak akan bertanggungjawab terhadap Lot lagi.

3.8 Pembatalan Jualan Lelong

DAG berhak membatalkan Lot atau menghentikan aktiviti jualan lelong sebelum jualan lelong dimulakan atas sebab berikut:

- 3.8.1 DAG mengesyaki atau mempunyai bukti bahawa kemilikan Lot tidak sah atau tidak sulit
- 3.8.2 Parti ketiga, di mana bukti ditunjukkan bahawa Lot kemilikan tidak sah atau tidak sulit, di mana dia memberi deposit jaminan bahawa dia akan bertanggungjawab terhadap undang-undang dan jumlah kos kehilangan perniagaan akibat daripada tindakan ini jika membuat laporan salah.
- 3.8.3 DAG mengesyaki kebetulan penerangan Penjual atau Penjamin yang diberikan oleh Penjual seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2.4 (Penjamin)
- 3.8.4 Terdapat bukti bahawa Penjual telah/akan melanggar terma dan syarat DAG.

3.9 Penjual Menarik Balik Lot

Penjual boleh menarik balik Lot pada bila-bila masa sebelum jualan lelong dengan notis bertulis kepada DAG. Penjual perlu membayar saman RM1000 sebagai kos pentadbiran. Penjual akan disenarai hitamkan atau ditamatkan keahlian. Penjual, bukan DAG, akan bertanggungjawab terhadap pertikaian atau pembayaran yang berlaku akibat daripada tarikan balik Lot. Sila rujukkan apendiks untuk kos penarikan balik.

3.10 Jualan Lelong

- 3.10.1 Penjual patut datang ke hari jualan lelong. Penjual perlu membawa IC/pasport mereka untuk memasuki bilik jualan lelong.
- 3.10.2 Bagi Penjual yang tidak boleh datang, mereka sekurang-kurangnya perlu boleh dihubungi melalui telefon bimbit atau telefon rumah atau pejabat.
- 3.10.3 Bagi Penjual yang tidak boleh datang dan ingin membenarkan parti ketiga untuk mewakilinya, perlu mendapatkan surat kuasa wakil.
- 3.10.4 Penjual akan dipremiskan di dalam bilik Penjual yang selamat dan tidak boleh berinteraksi dengan Pembida.
- 3.10.5 Bagi Penjual yang mahu meninggalkan bilik jualan lelong sementara waktu, mereka perlu memberitahu staf DAG. Penjual tidak dinasihati untuk meninggalkan bilik jika Lot mereka sedang dibidakan. Penjual yang meninggalkan bilik mesti dapat dihubungi melalui telefon bimbit mereka. Penjual boleh terus memasuki bilik Penjual.
- 3.10.6 Penjual dibenarkan meninggalkan kawasan DAG setelah Lot mereka berjaya dijual. Penjual dinasihati supaya tetap boleh dihubungi jika terdapat sebarang perubahan.

3.11 Bidaan Berjaya

- 3.11.1 Penjual dianggap menerima sesuatu bidaan jika harga bidaan itu lebih tinggi daripada harga tempahan. Kontrak antara Penjual dan Pembeli akan berkuat kuasa dan kedua-dua pihak perlu melengkap jualan tersebut. Penjual akan diberitahu keputusan jualan.
- 3.11.2 Jika situasi berlaku di mana bidaan berjaya telah ditarik balik, juru lelong akan meminta kebenaran Penjual untuk berunding harga dengan Pembida kedua dan ketiga tertinggi.
- 3.11.3 Jika situasi berlaku di mana ketiga bidaan tertinggi ditarik balik dan terdapat pembida lain yang ingin membuat tender Lot tersebut, juru lelong akan meminta kebenaran Penjual untuk membuka Lot untuk tender.

3.12 *Bidaan Gagal*

- 3.12.1 Jika Lot yang dibida oleh Pembida Tertinggi adalah lebih rendah daripada harga tempahan, juru lelong akan menghubungi Penjual. Situasi dan pilihan yang boleh dibuat akan dijelaskan kepada Penjual, sama ada untuk menjual kepada Pembida Tertinggi, membuka Lot untuk tender (jika terdapat Pembida yang berminat) atau menjualnya pada jualan lelong lain.
- 3.12.2 Jika Penjual berputus untuk menjual pada jualan lelong seterusnya, mereka boleh menggunakan harga tempahan yang sama atau menukarkannya. Jika harga tempahan ditukar, kontrak jualan baru perlu ditanda tangani. Tiada caj akan dikenakan.
- 3.12.3 Penjual masih tidak boleh memandu keluar kenderaan mereka. Jika perkara dibuat, Penjual akan dianggap sebagai menarik balik kenderaan dari jualan. Sila rujuk fasal 3.9 (Penjual menarik balik Lot)
- 3.12.4 DAG hanya membenarkan Penjual menjual Lot yang sama pada jualan lelong untuk 3 kali sahaja. Selepas kali ketiga, jika Lot tidak dijual, Lot akan diambil keluar, Penjual masih bertanggungjawab untuk membayar kos pentadbiran.

3.13 *Jualan Tender*

- 3.13.1 Tender akan diacarakan oleh juru lelong di bilik lelong. Penjual diminta untuk meninggal untuk acara tender jika Lot mereka kena tender. Jika tidak dapat, mereka perlulah boleh dihubungi.
- 3.13.2 Juru lelong dan staf DAG akan mengumpulkan tender dan berbincang dengan Penjual. Juru lelong akan meminta kebenaran Penjual sebelum Lot dijual. Atas kebenaran Penjual, Pembida Tertinggi tender tersebut boleh membelikan Lot itu.
- 3.13.3 Jika situasi berlaku di mana Pembida Tertinggi tender menarik balik jualan, juru lelong akan meminta kebenaran Penjual untuk berunding harga dengan Pembida kedua dan ketiga tertinggi tender. Jika Lot masih tidak dijual, Lot akan dijual pada jualan lelong lain.
- 3.13.4 Seperti jualan lelong, Penjual tidak berinteraksi dengan Pembida. Semua rundingan harga dijalankan oleh juru lelong.

3.14 *Bayaran kepada Penjual*

- 3.14.1 Pembeli membuat bayaran seperti yang dijelaskan dalam fasal 4.13 (Pembayaran). DAG akan membayar dalam Ringgit Malaysia kepada Penjual dalam 10 hari selepas jualan lelong. Jika DAG tidak menerima jumlah bayaran daripada Pembeli dalam masa yang ditetapkan dalam fasal 4.13 (Pembayaran), DAG akan membayar Penjual dalam masa 7 hari selepas Pembeli habis membuat bayaran.
- 3.14.2 Bayaran kepada Penjual adalah berdasarkan jumlah bayaran yang dibuat oleh Pembeli dengan menolakan semua kos yang dihutang dengan DAG (e.g. kos pemeriksaan, kos pembersihan, kos pentadbiran, saman)

- 3.14.3 Bayaran kepada Penjual akan dibuat selepas Pembeli menghabiskan semua bayaran, menerima Lot dan membuat pengenal pastian dengan DAG. Dalam kes di mana Lot perlu dihantar ke lokasi lain, bayaran kepada Penjual akan dibuat selepas Lot diterima oleh Pembeli di destinasi Pembeli dan membuat pengenal pastian dengan DAG.
- 3.14.4 Cara bayaran dibuat:
 - 3.14.3.1 Bagi Penjual individu, bayaran dibuat dengan penghantaran bank draft atau transaksi terus dengan servis bank.
 - 3.14.3.2 Bagi Penjual syarikat, bayaran dibuat dengan cek bank atau cek syarikat.
- 3.14.4 Jika Pembeli tidak membayar seperti dalam fasal 4.13 (Pembayaran), DAG tidak hanya berhak untuk menuntut bayaran (kos pentadbiran dan kos lain) seperti dalam fasal 4.14 () tetapi juga berhak menolok Penjual untuk menuntut bayaran daripada Pembeli dalam apa-apa cara dalam lingkungan undang-undang. Tetapi DAG tidak akan mendakwa Pembeli atas nama Penjual.

3.15 *Kos Pentadbiran Penjual*

- 3.15.1 Penjual perlu membayar kos pentadbiran bagi suatu Lot dan mengemukakan cara bayarannya dalam Kontrak Jualan.
- 3.15.2 Terdapat dua cara pembayaran kos pentadbiran:
 - 3.15.2.1 Membayar selepas menandatangani Kontrak Jualan
 - 3.15.2.2 Menolak bayaran daripada jumlah harga jualan
- 3.15.3 Sila rujukkan apendiks untuk senarai harga.

Bahagian 4: Pembida dan Pembeli

4.1 *Pendaftaran*

- 4.1.1 Ahli perlu berdaftar dengan DAG sebagai Pembida sebelum menyertai jualan lelong. Pendaftaran sebagai Pembeli dengan DAG adalah percuma.
- 4.1.2 Sila rujukkan fasal 2.5 (Keahlian Sementara) bagi Ahli yang berdaftar dengan lewat.
- 4.1.3 Bantuan untuk memilih Lot yang bersesuaian dengan perbelanjaan akan diberikan oleh staf DAG jika diminta.
- 4.1.4 Pembida tidak boleh diisytiharkan muflis sepanjang transaksi.
 - 4.1.4.1 Ahli yang diisytiharkan muflis tidak layak untuk berdaftar sebagai pembida.
 - 4.1.4.2 Pembida yang diisytiharkan muflis tidak layak untuk membida
 - 4.1.4.3 Pembeli yang diisytiharkan muflis tidak layak untuk membeli Lot, dan peluang pembelian akan diberikan kepada Pembida kedua tinggi.

4.2 *Jaminan*

- 4.2.1 Sila rujukkan apendiks untuk senarai harga wang pendahuluan.

4.3 *Jualan Lelong*

- 4.3.1 Pembida perlu datang sendiri pada hari jualan lelong dengan NRIC/passport sebagai pengenalan diri, dan memasuki bilik jualan lelong dengan alat bida DAG. Pembida tidak dibenarkan menukarkan alat bida dengan Pembida lain.
- 4.3.2 Pembida tidak boleh berinteraksi dengan Penjual
- 4.3.3 Pembida dibenarkan keluar dari bilik jualan lelong pada bila-bila masa jika Pembida tidak membida Lot. Pembida perlu memberitahu staf DAG di kaunter dan memberi balik alat bida untuk mendapatkan balik deposit.
- 4.3.4 Pembida perlu menghabiskan dan menandatangani Kontrak Pembelian Kenderaan dan membayar minimum sebanyak 10% daripada jumlah harga jualan di kaunter bayaran sebelum meninggalkan premis DAG.
- 4.3.5 Bagi pembida yang ingin meninggalkan premis DAG sementara waktu:
 - 4.3.5.1 Pembida perlu memberitahu staf DAG di kaunter
 - 4.3.5.2 Pembida tidak dibenarkan meninggalkan premis DAG jika Pembida masih dalam proses membida, kecuali dalam kecemasan. Bidaan pembida akan dikira jika mereka meninggalkan premis DAG.
 - 4.3.5.3 apabila meninggalkan premis DAG, Pembida mesti membawa alat bida bersama. Pembida mesti menjaga alat bida dengan baik dan bertanggungjawab terhadap harga yang dibida oleh alat bida (alat bida boleh digunakan dalam lingkungan 500 meter mengelilingi alat penerima)
 - 4.3.5.4 Pembida yang meninggalkan bilik lelong sementara waktu tidak boleh meninggalkan kawasan DAG.
 - 4.3.5.5 Semasa balik, Pembida harus menunjukkan NRIC/ passport dan alat bida kepada pegawai sekuriti untuk pengenal pastiani. Selepas itu, Pembida boleh memasuki bilik lelong dan bersambung untuk membida.
- 4.3.6 Bagi pembida yang ingin meninggalkan kawasan DAG akan dianggap sebagai meninggalkan jualan lelong. Sila rujuk fasal 4.3.3 dan 4.3.4. Jika mereka mahu kembali untuk membida, mereka perlu berdaftar sebagai Pembida lagi.
- 4.3.7 Jika Pembida memerlukan apa-apa bantuan, sila mengangkat tangan dan staf DAG akan menghampiri Pembida.
- 4.3.8 Jika terjadi sebarang kegagalan elektrik, Ahli dinasihatkan supaya tidak cemas sebab bilik jualan lelong mempunyai bekalan lampu kecemasan. DAG mempunyai stesen penjana kuasa yang akan mengembalikan sistem dalam kira-kira 5 minit. Apabila bersambung kembali, Lot yang dibida mungkin akan dimulakan bidaan semula lagi atau bersambung daripada bidaan harga terakhir. Dalam scenario terburuk di mana stesen penjana kuasa gagal menjalankan fungsinya, jualan lelong mungkin ditangguhkan kepada hari lain.

4.4 *Penerangan sebelum Jualan Lelong*

Sebelum jualan lelong bermula, juru lelong akan menerangkan cara menggunakan alat bida dan cara jualan lelong akan dijalankan.

4.5 ***Alat bida***

- 4.5.1 Alat bida yang digunakan oleh DAG adalah dibuat di Jepun dan ia adalah alat berkualiti tinggi dan tahan lasak. Jika alat bida tidak berfungsi, Pembida(pembawa) perlu membawa alat itu ke kaunter terdekat untuk pemeriksaan. Pembida akan diberikan alat bida sementara untuk membolehkannya menyambung bidaan.
- 4.5.2 Jika alat bida Pembida diaktifkan kerana salah guna, Pembida tidak boleh menukarkan alat bida yang baru. Pembida akan disuruh untuk meninggalkan jualan lelong dan deposit sewaan tidak akan dikembalikan.
- 4.5.3 Jika bateri alat bida habis, bateri baru akan ditukarkan ke dalam alat bida untuk membolehkan Pembida menyambung bidaan.

4.6 ***Bidaan***

- 4.6.1 Proses jualan lelong akan diacarakan oleh juru lelong. Juru lelong akan menjerit dan meninggikan harga bidaan sementara Pembida akan membida dengan menekan butang pada alat bida. Skrin jualan lelong akan menyiarkan harga bida dan nombor alat bida yang membida untuk harga tersebut. Pembida tidak dibenarkan membida dengan menggunakan cara lain seperti isyarat tangan, jeritan atau sebagainya.
- 4.6.2 Sistem hanya merekod Pembida terpanas pada satu harga bidaan. Pembida dinasihati supaya tidak menekan butang sesuka hati.
- 4.6.3 Pembida akan diberi masa yang mencukupi (5 saat) untuk membuat keputusan sebelum harga bidaan ditingkatkan. Masa tersebut akan berhenti jika terdapat bidaan. Harga bidaan akan ditingkatkan dan masa akan bermula membuat kiraan.
- 4.6.4 Peningkatan harga bida biasanya bermula dari RM5 hingga RM1000, semua ini bergantung kepada juru lelong dan tindak balas Pembida. Sila dinasihatkan bahawa Lot berlainan mempunyai masa peningkatan harga bida atau lingkungan harga yang berlainan.

4.7 ***Juru Lelong***

- 4.7.1 Jurulelong berhak menolak untuk menerima apa-apa bidaan atau menarik balik apa-apa Lot daripada jualan demi pihak DAG.
- 4.7.2 Juru lelong boleh menahan sesuatu bida dan menghubungi Penjual untuk mendapatkan permintaan. Semua perundingan harga dibuat oleh juru lelong sahaja. Pembida tidak dibenarkan untuk merundingkan harga dengan Penjual.
- 4.7.3 Juru Lelong adalah pengadil muktamad dalam semua hal pertikaian.

4.8 ***Bidaan Berjaya***

- 4.8.1 Bidaan yang berjaya dibida oleh Pembida Tertinggi, Jika tiada Pembida lain yang ingin membida pada harga tersebut, apabila masa membuat keputusan yang diberikan habis, Pembida itu akan diisytiharkan sebagai Pembida Tertinggi oleh juru lelong.
- 4.8.2 Jika Lot yang dibida oleh Pembida Tertinggi adalah lebih tinggi daripada harga tempahan, juru lelong akan menjual Lot itu kepada Pembida Tertinggi. Pembida Tertinggi perlu menekan butang pada alat bida sekali lagi sebagai pengesahan Pembelian. Skrin akan memaparkan perkataan "Sold!" sebagai tanda jualan dibuat.

- 4.8.3 Jika Lot yang dibida oleh Pembida Tertinggi adalah lebih rendah daripada harga tempahan, juru lelong akan menanyakan Penjual tentang keputusan Penjualan. Jika Penjual bersetuju untuk menjual, juru lelong akan meminta Pembida Tertinggi untuk menekan butang pada alat bida sekali sebagai pengesahan Pembelian, di mana ia akan ditunjukkan di skrin.
- 4.8.4 Pada tekanan butang pengesahan oleh Pembida yang akan dinyatakan di skrin, Penjual dan Pembida Tertinggi adalah tertakluk kepada undang-undang dalam kontrak Penjualan. Harga itu adalah harga jualan mutlak dan tiada lagi rundingan harga akan dibuat. Pembeli akan menanggung risiko sendiri Lot mereka apabila butang pengesahan ditekan di skrin. Penjual atau DAG tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan, kerosakkan atau kehilangan yang tertimbul selepas ini.
- 4.8.5 Pembida Tertinggi mesti membayar DAG 10% daripada jumlah harga jualan sebelum meninggalkan premis DAG. Sila rujukkan apendiks bagi cara dan harga bayaran.

4.9 *Pembeli Menarik Balik Lot*

- 4.9.1 Jika butang pengesahan tidak ditekan selepas disuruh oleh Juru Lelong, Skrin akan memaparkan perkataan "Withdrawn!" sebagai tanda jualan tidak dibuat. Pembida itu akan diberi amaran. Jika masih berlanjutan, Deposit tidak akan dikembalikan. Juru Lelong akan memutuskan sama ada untuk menamatkan operasi alat bidanya dan DAG berhak untuk menamatkan keahlian Pembida tersebut.
- 4.9.2 Peluang Pembelian akan diserahkan kepada Pembida kedua tinggi. Jika dia menolak, peluang akan diserahkan kepada Pembida ketiga tinggi.
- 4.9.2.1 Jika harga yang dibida oleh Pembida kedua/ketiga adalah sama atau lebih tinggi daripada harga tempahan, juru lelong akan membuat keputusan jualan.
- 4.9.2.2 Jika harga yang dibida oleh Pembida kedua/ketiga adalah lebih rendah daripada harga tempahan, juru lelong akan meminta kebenaran Penjual sebelum membuat keputusan jualan.
- 4.9.2.3 Pembida kedua/ketiga tinggi akan dihubungi melalui telefon jika mereka sudah meninggalkan premis DAG. Jika tidak boleh dihubungi, Lot akan dijual pada jualan lelong seterusnya.
- 4.9.3.4 Jika Pembida kedua dan ketiga tinggi menolak, Lot itu akan dijual pada hari jualan lelong seterusnya. Deposit Pembida kedua/ketiga tinggi akan dikembalikan walaupun jika mereka menolak tawaran pembelian itu.

4.10 *Bidaan Gagal*

Penjual akan dihubungi jika Lot mereka tidak menerima sebarang bidaan semasa jualan lelong. Skrin akan memaparkan perkataan "Withdrawn!" sebagai tanda Lot tidak dijual. Lot mereka akan dijual pada jualan lelong seterusnya.

4.11 *Jualan Tender*

- 4.11.1 Jika terdapat situasi di mana bidaan yang berjaya ditarik balik atau Lot tidak menerima bidaan dalam jualan lelong tetapi terdapat Pembida lain yang ingin membuat Tender bagi Lot itu, Juru lelong akan meminta kebenaran Penjual untuk membuka Lotnya untuk Jualan Tender.
- 4.11.2 Pembida yang berminat perlu mengisi borang Tender dan memasukkannya dalam kotak Tender selepas jualan lelong. Borang dan kotak Tender akan diletakkan pada kaunter dalam bilik jualan lelong berdekatan dengan pintu masuk.

- 4.11.3 Jurulelong akan mengumpulkan harga Tender tertinggi dan berunding niaga dengan Penjual. Jurulelong akan menghubungi Pembida Tender jika Penjual bersetuju untuk jual Lot tersebut.
- 4.11.4 Jika harga yang ditawarkan oleh Pembida tertinggi untuk tender adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada harga tempahan, tetapi mendapat kebenaran Penjual, Pembida tertinggi boleh menjadi Pembeli bagi Lot tersebut. Jika jumlah harga Lot tidak dibayar penuh, Pembida tertinggi tender perlu membayar 10% daripada jumlah harga jualan selepas jualan tender.
- 4.11.5 Jika Pembida Tertinggi Jualan Tender menarik balik, pembida kedua dan ketiga tinggi akan diberikan peluang pembelian. Keadaan dan cara adalah sama dengan fasal 4.11.4. Jika ketiga-tiga pembida ini tidak mahu memenuhi transaksi, Lot akan dijual pada jualan lelong lain. Pembida Jualan Tender yang menarik balik tidak akan dikenakan saman.
- 4.11.6 Pembida tender yang menyertai jualan tender tidak boleh berhubung dengan Penjual. Semua urusan niaga akan diacarakan oleh juru lelong antara Penjual dan Pembida tender.

4.12 Kontrak Pembelian

Pembeli perlu memenuhi dan menanda tangani Kontrak Pembelian selepas membayar 10% deposit daripada jumlah harga jualan. Kontrak ini perlu ditanda tangani sebelum pembeli meninggalkan premis DAG. Jika Pembeli tidak menanda tangani, ia akan dianggap sebagai tindakan menarik balik daripada jualan, sila rujuk fasal 4.9 (Pembeli menarik balik Lot)

Dengan menanda tangani kontrak ini, pembeli berjanji akan membayar baki jumlah yang dihitungkan kepada DAG dalam jangka masa yang dijanjikan. Kontrak akan memerlukan maklumat seperti nama penuh, nombor NRIC/passport, Nombor ahli, nombor Lot, cara bayaran dan tarikh terakhir bayaran.

4.13 Bayaran

- 4.13.1 Pembeli perlu membayar 10% daripada jumlah harga jualan sebagai deposit. Mereka perlu membayar baki jumlah secara sekali gus berdasarkan masa yang ditunjukkan dalam meja di bawah.

Jumlah (RM)	Masa bayaran yang dibenarkan
1 – 9,000	Hari jualan lelong atau Hari Isnin berikutnya
9,001 – 100,000	3 hari kerja
100,000 ++	5 hari kerja

- 4.13.2 Bagi Pembeli yang membeli dengan jumlah yang besar dan menunjukkan keikhlasan dan kepercayaan, mereka dibenarkan memanjangkan tempoh bayaran kepada 1 minggu.
- 4.13.3 Jika Pembeli gagal membayar atau tidak boleh dihubungi, Penjamin mereka perlu membayar hutang demi pihak mereka. Jika Penjamin mereka tidak membayar, Deposit 10% Pembeli akan disimpan oleh DAG. Keahlian Pembeli juga akan dibatalkan. DAG berhak mengambil tindakan undang-undang. Deposit itu akan bertindak sebagai kompensasi kepada DAG dan Penjual. (5% kepada DAG, 5% kepada Penjual)
- 4.13.4 Jika situasi 4.13.3 berlaku, DAG akan menghubungi Pembida kedua dan ketiga tertinggi untuk memberikan peluang Pembelian kepada mereka. Jika tidak Lot akan dijual pada jualan lelong lain.
- 4.13.5 Sila rujuk apendiks untuk cara dan harga bayaran.
- 4.13.6 Semua harga bidaan atau belian adalah tidak termasuk cukai. Lot yang mempunyai duti cukai akan dinyatakan dalam katalog.

- 4.13.7 Duti setem dan caj penghantaran akan dibayar oleh Pembeli di mana dan apabila diperlukan.
- 4.13.8 Pembeli boleh menggunakan pinjaman bank untuk membuat bayaran. Mereka perlu merunding dengan bank mereka sendiri untuk mendapat kebenaran pinjaman. Selepas DAG menerima bayaran penuh sekali gus daripada bank dengan surat pengakuan bank, Pembeli dibenarkan untuk memandu kenderaan mereka keluar. Bank akan mengambil kad pendaftaran kenderaan (kad hijau) sehingga Pembeli menjelaskan semua pinjaman kepada bank. Pembeli akan menanggung risiko sendiri kerana pinjaman ini adalah di antara mereka dengan bank. DAG tidak akan bertanggungjawab jika terdapat apa-apa pertikaian yang berlaku antara Pembeli dan Bank.
- 4.13.9 Selepas Pembeli membuat semua bayaran kepada DAG, DAG akan membayar Penjual selepas Pembeli menerima Lot mereka dan membuat pengenalan pastian dengan DAG.

4.14 *Bayaran Premium Pembeli*

- 4.14.1 Bayaran Premium akan dikenakan kepada Pembeli bagi pembelian yang berjaya. Bayaran ini akan ditambahkan kepada jumlah baki bayaran. Sila rujukkan apendiks untuk mengetahui harga.
- 4.14.2 DAG tidak menerima cek peribadi.
- 4.14.3 Pembida yang tidak membeli Lot tidak perlu membayar premium pembeli.

4.15 *Pemilikan and Pindahan Risiko*

- 4.15.1 Pemilikan lot tidak akan diberikan kepada Pembeli sehingga Pembeli menghabiskan semua bayaran kepada DAG. Pembeli akan menanda tangani Kontrak Penjualan Kenderaan. Pembeli akan menanggung risiko sendiri sebaik sahaja Lot dijual.
- 4.15.2 Semua kenderaan yang dijual adalah dijual sebagai tidak didaftarkan kecuali dinyatakan oleh DAG. DAG tidak bertanggungjawab untuk memberi bantuan dalam menanda tangani dokumen pertukaran hak milik (Borang JPJ) dan menandangi insurans kenderaan. Jika diminta, DAG akan mengenakan bayaran tambahan. Maklumat Pembeli tidak akan diberikan kepada Penjual
- 4.15.3 Sebarang kerosakan pada Lot tidak akan menjejaskan perjualan. Penjual dan DAG tidak diperlukan untuk memberikan lebih daripada sebarang benda kecuali Lot sendiri dan kertas dokumentasi. tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakkan atau kehilangan yang berlaku selepas jualan, biarpun ia berlaku disebabkan kecuaiian atau lain-lain, semasa Lot berada dalam jagaan atau kawalan selepas jualan.

4.16 *Memandu Keluar Kenderaan*

- 4.16.1 Bayaran penuh perlu dibuat sebelum kenderaan atau harta benda lain boleh diambil. Tiada parti dibenarkan mengambil Lot atau sebahagian benda daripada Lot, sehingga bayaran penuh dibuat kepada DAG. Pengurus pelanggan akan memberikan kunci kenderaan kepada Pembeli selepas bayaran penuh dibuat.
- 4.16.2 Semua Lot perlu dipandu keluar oleh Pembeli atas kos sendiri sebelum jam pukul 5 pada hari urus niaga Pembeli perlu bertanggungjawab terhadap caj pindahkan keluar, simpanan, insurans yang mungkin akan dikenakan kepada Lot yang sudah habis dibayar tetapi tidak dipandu keluar. DAG tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakkan atau kehilangan Lot jika Lot tidak dipandu keluar selepas bayaran. Jika Pembeli meninggalkan Lot tersebut di kawasan DAG selepas bayaran, maka dia perlu menanggung risiko sendiri dan bertanggungjawab penuh terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakkan.
- 4.16.3 DAG tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakkan harta benda atau kecenderaan orang yang berlaku semasa pengambilan Lot.
- 4.16.4 Pembeli akan dinasihati mendapatkan pemeriksaan parti ketiga (seperti PUSPAKOM) selepas Pembelian jika belum.

- 4.16.5 Pembeli adalah bertanggungjawab untuk memenuhi semua keperluan undang-undang terhadap pembinaan dan kegunaan kenderaan tersebut dan mendapatkan semua sijil, kebenaran sebelum kenderaan dapat digunakan di jalan raya atau di premis lain.
- 4.16.6 Jika Pembeli ingin membenarkan wakil untuk memandu keluar kenderaan, Pembeli perlu menyertakan surat kebenaran.
- 4.16.7 Semua pertikaian yang berlaku selepas ini adalah di antara Penjual dan Pembeli.

4.17 *Penghantaran*

- 4.17.1 Rakan kongsi DAG memberikan perkhidmatan penghantaran kenderaan kepada Ahli DAG. Kenderaan Ahli boleh dihantar ke DAG atau ke destinasi yang diminta oleh Ahli. Caj ditentukan berdasarkan jumlah kenderaan, jenis dan jarak. Ahli perlu membuat bayaran semasa penghantaran. Sila rujuk staf DAG bagi senarai harga penghantaran terkini.
- 4.17.2 Bagi kerosakkan yang berlaku semasa penghantaran oleh DAG, DAG akan bertanggungjawab terhadapnya. DAG akan membuat pembetulan yang diperlukan dan membayar kompensasi.
- 4.17.3 Bagi kerosakkan yang berlaku semasa penghantaran oleh rakan kongsi DAG, DAG tidak akan bertanggungjawab.

Bahagian 5: Kawalan Kualiti

5.1 *Pengurusan Aduan*

- 5.1.1 Ahli mempunyai hak aduan seperti yang dinyatakan dalam peraturan pengguna. Staf DAG akan mendengar semua aduan yang dibuat dan mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah itu demi memuaskan Ahli.
Aduan boleh dibuat melalui emel, telefon, secara bertulis atau secara bertemu muka.
- 5.1.2 Jika masalah tidak dapat diselesaikan serta-merta, staf DAG akan menghubungi Ahli semula apabila masalah diselesaikan dalam masa dua hari urusan niaga.
- 5.1.3 Jabatan CRM (Customer Relationship Management/ Pengurusan Hubungan Pelanggan) akan mengumpul dan menganalisis aduan untuk mencadangkan cara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terhadap pelanggan.
- 5.1.4 Semua aduan akan direkodkan, dikumpulkan dan dibawa ke mesyuarat umum demi memperbaiki perkhidmatan pada masa depan.

5.2 *Pertanyaan*

- 5.2.1 Semua orang termasuk bukan Ahli boleh membuat pertanyaan dengan DAG melalui emel, telefon, secara bertulis atau bertemu muka. Staf DAG akan mendengar semua pertanyaan dan mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Jika masalah tidak dapat diselesaikan dengan serta-merta, DAG akan menghubungi balik setelah masalah diselesaikan dalam masa dua hari urusan niaga.
- 5.2.2 Semua pertanyaan akan direkodkan, dikumpulkan dan dibawa ke mesyuarat umum untuk memperbaiki perkhidmatan DAG di masa depan.

5.3 *Kriteria Lot untuk Jualan Lelong*

- 5.3.1 DAG akan berterima kasih jika Ahli mencari kesalahan dalam EV dan segeranya memberitahu staf DAG.
- 5.3.2 Jika kesalahan dijumpai sebelum diterbitkan, maklumat akan dibetulkan segera.
- 5.3.3 Jika kesalahan dijumpai semasa jualan lelong, jurulelong akan bertindak berdasarkan berapa besar kesalahan tersebut.
 - 5.3.3.1 Jika ia kesalahan kecil (seperti salah ejaan atau salah taip), jurulelong akan meminta maaf, membuat pengumuman lisan dan memaparkan notis pada skrin.
 - 5.3.3.2 Jika ia kesalahan besear (seperti salah kategori jualan lelong), jurulelong akan meminta maaf dan menanggalkan lot daripada jualan, EV akan ditukarkan segeranya dan Lot akan dimasukkan semula ke jualan lelong yang betul. Bagi pertukaran maklumat kritikal, harga tempahan mungkin akan diselaraskan dan Penjual mungkin perlu menandatangani kontrak jualan baru.
- 5.3.4 Jika kesalahan maklumat didapati oleh Pembeli selepas bidaan berjaya, DAG akan meminta maaf dengan surat. Pembeli dibenarkan menolak daripada membeli Lot tanpa dikenakan caj. Jika pembeli ingin meneruskan jualan, pembeli akan perlu membayar 90% bayaran premium pembeli.

Bahagian 6: Perkara Lain

6.1 *Senarai Hitam*

- 6.1.1 Ahli yang telah disenarai hitamkan kerana lewat membuat bayaran atau menyalah gunakan sistem jualan lelong akan digantung keahliannya sementara waktu sehingga bayaran dibuat.
- 6.1.2 Bagi Ahli yang disenarai hitamkan kerana berkelakuan ganas atau melanggar syarat secara berterusan akan digantung keahliannya selamanya dan DAG berhak untuk mengambil tindakan undang-undang.
- 6.1.3 Bagi Ahli atau bukan Ahli yang telah direkodkan berkelakuan ganas walaupun di luar kawasan DAG akan menolak applikasi pendaftaran selamanya dan DAG berhak untuk mengambil tindakan undang-undang.

6.2 *Kerahsiaan Identiti Ahli*

- 6.2.1 Maklumat Ahli akan dirahsiakan dan tidak akan diberikan kepada pihak lain. Jika terdapat kejadian di mana Ahli berpendapat bahawa kerahsiaan identitinya dieksploitasikan oleh DAG atau Ahli lain, mereka boleh merujuk kepada staf DAG dan DAG akan mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini.
- 6.2.2 Nama Penjual tidak akan ditunjukkan dalam EV untuk melindungi identiti Penjual.
- 6.2.3 Alat bida adalah cara untuk melindungi kerahsiaan identiti Ahli. Ahli lain tidak akan tahu siapa yang membida untuk Lot kerana nama Ahli tidak ditunjukkan dalam skrin jualan lelong. Nombor alat bida ditunjukkan atas alat bida. DAG mencadangkan:
 - 6.2.3.1 Ahli tidak boleh menunjukkan nombor ini kepada Ahli lain
 - 6.2.3.2 Ahli tidak dinasihatkan untuk memegang alat bida mereka dengan terbukanya di atas meja di mana orang lain dapat melihat sama ada Ahli sedang membida atau tidak.
 - 6.2.3.3 Ahli juga tidak dinasihatkan untuk memberitahu Ahli lain status bidaan mereka. Ahli tidak dibenarkan menukar alat bida sesama sendiri.

- 6.2.4 Bagi melindungi identiti Pembida Tender, harga yang diberikan oleh Pembida Tender lain tidak ditunjukkan kepada awam. Hanya DAG mempunyai senarai nama Pembida Tender dan harga Tender.
- 6.2.5 Ahli dinasihatkan supaya tidak menonjolkan diri semasa jualan lelong untuk melindungi kerahsiaan identity mereka. (Jika seseorang menjerit semasa kemenangan, maka semua orang tahu orang itu adalah pemenang.
- 6.2.6 Ahli tidak perlu mengingatkan nombor Ahli tetapi mereka perlu menyimpan nombor Ahli mereka daripada Ahli lain. Sila melapor kepada DAG jika ada Ahli lain yang cuba mengetahui nombor Ahli anda supaya DAG boleh mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka.
- 6.2.7 Satu rakaman video akan dibuat pada hari jualan lelong oleh DAG. Rupa, suara dan nama Ahli yang dirakamkan dalam video adalah harta benda DAG. DAG akan menggunakan ini untuk video korporatnya dan tujuan sekuriti. Jika Ahli mempunyai sebab istimewa dia tidak boleh termasuk dalam video, mereka perlu menghubungi DAG sebelum hari jualan lelong itu. Jika tidak, DAG akan mencuba sedaya upaya untuk menanggalkan rupa, suara dan nama Ahli dalam video.

6.3 *Hak Cipta dan Hak Harta Intelektual Terpelihara*

- 6.3.1 Semua benda, konsep dan maklumat yang disediakan oleh DAG secara lisan atau bertulis adalah harta benda DAG.
- 6.3.2 Ahli tidak dibenarkan menghasilkan semula, menyalin atau menduplikasi benda, konsep dan maklumat atau memberi arahan untuk menghasilkan semula benda, konsep dan maklumat tanpa permintaan bertulis daripada DAG.
- 6.3.3 Walaupun Ahli adalah dialukan untuk mendapatkan kebaikan daripada benda, konsep dan maklumat ini secara peribadi, dan mengkonsikan kebaikan tersebut dengan Ahli lain, Ahli adalah tidak dibenarkan memodifikasikan semula atau mengeksplotasikan semula maklumat tersebut untuk kegunaan komersial.
- 6.3.4 Tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas Ahli yang melanggar peraturan tersebut.

6.4 *Pemisahan*

Terma dan syarat ini mungkin mempunyai satu atau lebih perkara atau sub-perkara yang tidak lengkap, tidak padan, salah disenaraikan, tidak mematuhi undang-undang di mana ia tidak akan diendahkan. Semua pihak perlu mematuhi perkara atau sub-perkara lain yang terdapat dalam terma dan syarat ini.

6.5 *Tindakan Undang-undang dan Bidang Kuasa*

- 6.5.1 Syarat dan terma ini disediakan di bawah kuasa undang-undang Malaysia, semua tafsiran dan kecekapan telah memenuhi undang-undang Malaysia.
- 6.5.2 Pertikaian yang berlaku semasa menyertai aktiviti berkenaan dengan terma dan syarat DAG perlu dirayu kepada mahkamah persekutuan, negeri, atau pesuruhjaya pengadilan. Penyelesaian pertikaian akan dibuat berdasarkan undang-undang Malaysia.

6.6 *Bahasa*

Terma dan syarat DAG dijalankan berdasarkan versi Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Melayu dan Bahasa Cina adalah sebagai panduan sahaja. Jika percengghaan berlaku, versi Bahasa Inggeris akan dianggap tepat.

6.7 *Tarikh Berkuat Kuasa*

Tarikh Terma dan syarat dikemas kini: 26hb Februari 2007

Tarikh Terma dan syarat dikemas kini: 19hb April 2007

Tarikh Terma dan syarat dikemas kini: 21hb April 2007
Tarikh Terma dan syarat dikemas kini: 4hb Mei 2007
Tarikh Terma dan syarat dikemas kini: 27hb Jun 2007

6.8

Hak Tafsiran

DAIA Auction Group Sendirian Berhad mempunyai hak tafsiran terma dan syarat ini.